

(24 November 2020) Sinari P. 7

'Hadir atau tidak hak masing-masing'

Annuar menegaskan soal kehadiran ke Dewan Rakyat adalah hak individu bagi setiap ahli Parlimen

Oleh HASNIZA HUSSAIN

KUALA LUMPUR

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa menegaskan soal kehadiran ke Dewan Rakyat adalah hak individu bagi setiap ahli Parlimen.

Menurutnya, sama ada seseorang ahli Parlimen itu mahu hadir atau tidak, ia akan direkodkan dalam jadual kehadiran di Dewan Rakyat.

"Jika ada yang hadir tetapi tidak mahu mengambil bahagian dalam perbahasan, itu juga adalah hak masing-masing sebagai ahli Parlimen.

"Jika ada yang ambil keputusan untuk tidak hadir ke Dewan Rakyat, saya tidak boleh komen apa-apa. Tetapi jika saya sebagai Ahli Parlimen Ketereh, tidak hadir atau ambil bahagian di Dewan Rakyat semasa ia berlangsung, sudah tentu penduduk di Ketereh akan menilai saya," katanya selepas lawatan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur dan penyampaian hadiah Pertandingan Mural dan Graffiti Transformasi di sini semalam.

Beliau mengulas isu surat yang



FOTO: BERNAMA

Annuar melihat lukisan mural dan grafiti yang dihasilkan oleh para pelukis tempatan ketika hadir pada majlis penyampaian hadiah Pertandingan Mural dan Graffiti Transformasi di Pasar Borong Kuala Lumpur semalam.

tersebar di media sosial mengatakan Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah atau dikenali sebagai Ku Li tidak akan mengambil bahagian pada sesi perbahasan Belanjawan 2021 pada Khamis ini.

Dalam pada itu, Annuar menegaskan tidak ada sebab untuk mana-mana ahli Parlimen menolak Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2021 atau Belanjawan 2021 yang akan melalui proses pengundian pada Khamis ini.

Katanya, jika belanjawan tersebut tidak mendapat kelulusan, ia akan menyukarkan kerajaan untuk membuat pindaan dan penambahbaikan mengikut kehendak majoriti.

"Ketika ini, perbahasan berlaku

di peringkat dasar dan tiada sebab untuk sesiapa menolak belanjawan, sebab apa yang sedang dibincangkan dan diundi itu hanya bacaan kali kedua iaitu perbincangan peringkat dasar.

"Syor-syor yang kita nak suruh baiki, suruh ubah pada bil (RUU) yang ada di atas meja itu tidak spesifik, hanya dasar sahaja. Sebagai contoh, ada yang tak suka peruntukan Jasa (Jabatan Hal Ehwal Khas) berjumlah RM89 juta, jadi kalau nak ubah kena lulus dulu di peringkat dasar, baru pergi ke peringkat jawatankuasa.

"Jika tidak lulus di peringkat dasar, maka tiada peluang untuk ubah dan baiki," katanya.